

Tempat Duduk: \_\_\_\_\_

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HMA 101 Pengantar Pengajian Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM EMPAT BELAS [14] MUKA SURAT.

ARAHAN

- Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
- Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A; SATU [1] daripada Bahagian B.
- Bagi Bahagian A, jawapan ditulis di atas kertas soalan; manakala bagi Bahagian B, jawapan mesti ditulis di atas kertas jawapan.
- Tulis nombor angka giliran pada setiap muka surat kertas jawapan anda.

BAHAGIAN A - Jawab SEMUA soalan [70 markah]

1. (a) Berikan transkripsi fonetik bagi perkataan berikut berdasarkan sebutan bahasa Melayu baku.

- i. segak \_\_\_\_\_
- ii. mengenderai \_\_\_\_\_
- iii. ghalibnya \_\_\_\_\_
- iv. terngiang-ngiang \_\_\_\_\_
- v. syahadat \_\_\_\_\_
- vi. penganiayaan \_\_\_\_\_

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- vii. buapak \_\_\_\_\_
- viii. seandainya \_\_\_\_\_

(8 markah)

(b) Kenalpasti dan bulatkan bunyi yang tidak termasuk di dalam kelas bunyi yang betul bagi setiap senarai berikut. Kemudian nyatakan kelas bunyi bagi bunyi-bunyi lain di dalam senarai itu.

- i. [ b ], [ m ], [ p ], [ s ] \_\_\_\_\_
- ii. [ x ], [ l ], [ z ], [ ʃ ] \_\_\_\_\_
- iii. [ n ], [ x ], [ g ], [ ʒ ] \_\_\_\_\_
- iv. [ e ], [ ə ], [ o ], [ a ] \_\_\_\_\_

(8 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

(c) Pilih SATU [1] daripada perkara berikut:

- i. Pasangan terkecil merupakan salah satu cara untuk menentukan fonem bagi vokal dan konsonan dalam sistem bunyi sesuatu bahasa. Jelaskan hal tersebut dengan menyertakan dua [2] contoh vokal dan dua [2] contoh konsonan yang bertaraf fonem daripada bahasa Melayu.

(10 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- ii. Penyengauan dalam sebutan bahasa Melayu baku didapati hanya berlaku dalam lingkungan tertentu. Jelaskan hal tersebut beserta contoh yang kuat.

(10 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

2. (a) Bina ayat daripada perkataan berikut dan nyatakan tugas serta makna morfem terikat yang terdapat di dalamnya.

i. memakai

Ayat:

Tugas morfem terikat:

Makna morfem terikat:

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

ii. memakaikan

Ayat:

Tugas morfem terikat:

Makna morfem terikat:

(6 markah)

.../7

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- (b) Proses penggandaan boleh mengubah golongan kata bagi sesuatu kata dasar kepada golongan kata yang lain. Beri dua [2] contoh perkataan yang memperlihatkan keadaan itu dan nyatakan perubahan golongan kata bagi perkataan yang anda pilih.

(4 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- (c) Dengan menggunakan contoh yang sesuai jelaskan perbezaan di antara kata majmuk dan frasa.

(6 markah)



Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. (a) Ayat berikut mempunyai dua [2] makna yang berbeza. Dengan menggunakan kaedah analisis konstituen terdekat perlihatkan perbezaan makna yang terdapat didalamnya:

Bapa memotong tiga ekor kambing jantan.

(8 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. (b) Cantumkan ayat-ayat berikut supaya menjadi satu ayat majmuk dan nyatakan jenis ayat majmuk itu.

- i. Semua orang tahu  
Dia sering ponteng kuliah

Ayat:

Jenis ayat majmuk:

(2 markah)

- ii. Dia mengambil buku itu.  
Saya letakkan buku itu di atas meja.

Ayat:

Jenis ayat majmuk:

(2 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- iii. Negarawan itu sudah lama meninggalkan kita. Semangatnya tetap hidup di dalam ingatan seluruh rakyat negara ini.

Ayat:

Jenis ayat majmuk:

(2 markah)

- (c) Ayat berikut mengandungi satu atau lebih kesalahan bahasa. Gramatiskan ayat tersebut tanpa mengubah makna asal.

Pembaziran wang dan pelakuan kurang sopan di dalam golongan istana telah memberi perhatian pihak tertentu.

(4 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

4. (a) Bezakan di antara polisim dan homonim

(5 markah)

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

(b) Bincangkan sinonim dan antonim dalam bahasa Melayu.

(5 markah)

BAHAGIAN B - Pilih DUA [2] soalan [30 markah]

5. Huraikan secara ringkas sejarah asal usul bahasa dan bangsa Melayu. Juga berikan sebab-sebab bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan.

(15 markah)

6. Hasil kajian dan pengamatan menunjukkan bahawa manusia mempunyai sistem perhubungan yang berbeza sifatnya daripada sistem perhubungan haiwan. Huraikan.

(15 markah)

7. SAMA ADA

- (a) Menurut Teori Keperihalalan Keadaan, sesuatu ucapan diberi konteks dan dalam konteks situasi keseluruhan itulah terletaknya makna. Dengan menggunakan kerangka teori tersebut, huraikan makna ujaran 'abang' sepertimana yang mungkin difahami oleh penutur bahasa Melayu.

(15 markah)

ATAU

- (b) Menurut Abdullah Hassan di dalam bukunya Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia (1980) pilihan merupakan faktor penting dalam menentukan makna dan seterusnya beliau menyatakan kalau tidak ada pilihan maka sesuatu ujaran itu tidak membawa makna. Jelaskan pendapat beliau mengenai hal tersebut dengan mengemukakan contoh yang konkrit daripada bahasa Melayu.

(15 markah)